

Susur masuk AKLEH ditutup berperingkat

Kuala Lumpur: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan memulakan kerja rancangan tebatan banjir di susur masuk Jalan Tun Razak secara berperingkat bermula hari ini.

Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS), dalam kenyataan di sini, semalam, berkata jadual penutupan di susur masuk Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH) bermula jam 11 malam hingga 4 pagi, mengikut tarikh tertentu iaitu 12 hingga 14 Januari, 19 hingga 22 Januari dan 26 hingga 29 Januari.

Justeru, laluan alternatif ke Jalan Tun Razak adalah menerusi Jalan Ampang dan Jalan Yap Kwan Seng, manakala untuk ke Jalan Sultan Ismail (pusat bandar raya) menerusi Jalan Raja Abdul Aziz dan Jalan Raja Abdullah.

Pengguna lebuhraya dinasihatkan mengguna laluan alternatif ke pusat bandar sepanjang tempoh kerja dijalankan.

Pengguna lebuhraya boleh mengikuti maklumat trafik terkini di Twitter - @AKLEHtrafik, dan web www.prolintas.com.my serta Facebook Page di PROLINTAS Highways.